

29 MAR 2001

Singapura-Malaysia

S'PURA AKAN BERI RESPONS MENGENAI ISU BERBANGKIT DENGAN M'SIA BULAN DEPAN

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Goh Chok Tong berkata Singapura seharusnya bersedia untuk memberi respons kepada Malaysia bulan depan mengenai langkah seterusnya ke arah menyelesaikan pakej isu-isu hubungan dua hala yang belum beres.

Akhbar Straits Times melaporkan Goh sebagai berkata bahawa lebih banyak masa diperlukan untuk mengkaji respons daripada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diterima pada 7 Mac memadamkan perkara itu kompleks.

Menteri Luar S.Jayakumar memberitahu Parlimen bahawa ada perbezaan pendapat pada sesetengah perkara yang dibincangkan oleh Dr Mahathir dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew, yang telah berbincang mengenai isu itu semasa lawatan Lee ke Kuala Lumpur Ogos lepas.

Jayakumar berkata Singapura perlu meneliti cadangan harga bekalan air yang berterusan dari Malaysia dan perkadaran mengenai air yang dirawat dan air mentah walaupun isipadu bekalan tidak berubah.

Goh yang bercakap kepada pemberita Singapura di Prague semalam, pada hari terakhir lawatan 10 harinya ke Poland, Hungary dan Republik Czech, turut ditanya sama ada beliau yakin untuk mencapai penyelesaian.

"Selagi ada peluang sesuatu boleh dilakukan, kami patut terus yakin," katanya.

Malaysia kini membekalkan sebahagian besar air kepada Singapura mengikut dua perjanjian yang akan tamat masing-masing pada 2011 dan 2061.

Selain perjanjian baru air untuk Singapura, isu-isu dalam pakej itu ialah penempatan semula pusat pemeriksaan kastam Malaysia di stesen kereta api Tanjung Pagar, milik Malaysia di sini, pembangunan tanah kereta api milik Malaysia di Singapura dan penggunaan ruang angkasa oleh tentera udara Singapura.

Kedua-dua negara kini meneliti cadangan Malaysia untuk memindahkan stesen kereta api Tanjung Pagar ke Kranji, di utara republik itu dengan menghubungkannya ke Johor melalui terowong bawah tanah.

Singapura pada dasarnya bersetuju dengan cadangan itu.

-- BERNAMA

TCL LAT